

ANALISIS STILISTIK KRITIKAL DALAM LIRIK LAGU *SEDIH HATI*

(*A Critical Stylistic Analysis of the Song Lyrics Sedih Hati*)

Mohd Asyraf Abdul Rahman¹ 
asyralph@uptm.edu.my

Muhd Bazli Hashim² 
bazli@uptm.edu.my

Mohammad Khairuddin Majidillah³ 
khairuddin@uptm.edu.my

Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, 56100 Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia.^{1, 2 & 3}

Pengarang koresponden (Coresponding author):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Mohd Asyraf Abdul Rahman, Muhd Bazli Hashim, & Mohammad Khairuddin Majidillah. (2025). Analisis stilistik kritikal dalam lirik lagu *Sedih Hati*. *Jurnal Bahasa*, 25(2), 91–116. [https://doi.org/10.37052/jb25\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/jb25(2)no4)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has gone peer review process)

Peroleh: Received:	11/6/2025	Semakan: Revised	3/11/2025	Terima: Accepted:	25/11/2025	Terbit dalam talian: Published online:	28/11/2025
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	------------	---	------------

Abstrak

Keindahan lagu terserlah bukan sahaja melalui alunan muzik, tetapi juga melalui makna yang tersirat dalam lirik. Keindahan dan kekuatan mesej lirik pula dipengaruhi oleh elemen metafora, perulangan, perlambangan dan trope. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti strategi linguistik yang digunakan oleh Malique dalam lirik lagu *Sedih Hati* dari segi pembentukan makna dan kesan terhadap pendengar, khususnya dari sudut retorik, struktur semantik dan pilihan leksikal menggunakan model kerangka stilistik kritikal yang dikemukakan oleh Jeffries (2010). Hasil kajian menunjukkan bahawa keseluruhan strategi linguistik yang dinyatakan ditemukan

dalam kajian ini. Melalui aplikasi teori Jeffries ini, unsur bahasa yang digunakan oleh Malique bukan sahaja mencerminkan kreativiti artistik, tetapi juga membuktikan kewujudan mesej sosial yang kritikal yang berkaitan dengan penindasan, ketidakadilan dan keresahan masyarakat, sebagaimana yang ditunjukkan melalui metafora sinis, sindiran politik dan perbandingan stratifikasi sosial dalam lirik tersebut. Kajian ini memperluas pemahaman tentang stilistik muzik tempatan melalui pendedahan cara lirik rap Malaysia berfungsi sebagai medium kritikan sosial yang bernilai dan membuktikan bahawa lirik lagu rap, khususnya oleh Malique, memiliki nilai kesusasteraan yang tinggi dan wajar diberikan perhatian dalam kajian bahasa.

Kata kunci: Analisis kandungan, lirik lagu, stilistik kritikal, gaya bahasa, mesej sosial, muzik tempatan

Abstract

The beauty of a song is revealed not only through its musical arrangement but also through the implicit meanings embedded within its lyrics. The aesthetic appeal and communicative force of lyrics are shaped by elements such as metaphor, repetition, symbolism, and tropes. This study was conducted to identify the linguistic strategies employed by Malique in the lyrics of Sedih Hati in terms of meaning construction and their effects on listeners, particularly from the perspectives of rhetoric, semantic structure, and lexical choice, using the critical stylistics framework proposed by Lesley Jeffries (2010). The findings of this study show that all the linguistic strategies identified within the framework were present in the lyrics analysed. Through the application of Jeffries' theory, the linguistic features used by Malique not only demonstrate artistic creativity but also reveal the presence of critical social messages related to oppression, injustice, and societal anxiety, as reflected through cynical metaphors, political satire, and representations of social stratification in the lyrics. This study broadens the understanding of local music stylistics by illustrating how Malaysian rap lyrics function as a valuable medium of social critique and it affirms that rap lyrics, particularly those by Malique, possess significant literary value and merit scholarly attention in language studies.

Keywords: content analysis, song lyrics, critical stylistics, figurative language, social messages, local music

PENDAHULUAN

Bahasa berperanan penting dalam kehidupan manusia yang bukan sahaja sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai medium penyampaian nilai, pemikiran dan emosi. Dalam dunia seni muzik, terutamanya genre rap dan hip-hop, bahasa menjadi lebih daripada sekadar pengantara bunyi, iaitu menjadi wahana untuk menyuarakan pandangan sosial, kritikan politik dan pergelutan dalaman. Lirik lagu dalam genre ini sering memuatkan mesej yang bersifat simbolik, provokatif dan intelektual, menjadikannya bahan yang wajar untuk dianalisis secara ilmiah. Keindahan bahasa dalam lagu tidak hanya terserlah melalui irama dan melodi, tetapi juga melalui kekuatan kata yang mampu menyentuh hati, mencetuskan pemikiran dan membangkitkan kesedaran sosial dalam kalangan pendengar. Nilai estetik dalam sesebuah karya sastera merangkumi tiga aspek utama, iaitu: keupayaannya untuk membangkitkan emosi, menyampaikan pengalaman, merangsang imaginasi dan wawasan; kepekaan pembaca terhadap keindahan gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang; serta keistimewaan dan kecekapan pengarang dalam penyusunan dan pengolahan isi kandungan karyanya secara kreatif dan bermakna (Othman Puteh, 2000).

Dalam konteks muzik tempatan Malaysia, muzik rap hanya dikenali dalam kalangan muzik bawah tanah (underground). Namun begitu, kemunculan kumpulan Too Phat yang dianggotai oleh Malique dan Joe Flizzow melonjakkan genre ini sehingga berjaya menembusi arus perdana dan menjadikannya lebih diterima secara meluas (Noorhaqmal Mohammed Noor, 2022). Malique atau nama penuhnya, Chairel Edrin Ibrahim antara artis yang menonjol dalam penggunaan gaya bahasa yang tinggi sebagai instrumen seni yang berkesan dalam penulisan lirik lagunya. Artis ini dikenali sebagai penulis lirik yang bijak bermain dengan makna tersirat, simbolisme dan retorik yang mendalam dan selari dengan dapatan Mukhlis Azman dan Nor Eleyana Abdullah (2023) yang menunjukkan bahawa lirik hip hop Malaysia sering memanfaatkan kod tukar sebagai strategi retorik untuk membina identiti, solidariti dan kesan gaya tertentu dalam penyampaian mesej. Selain itu, Haida Umiera Hashim dan Aisyah al-Kaff Zamsari (2025) turut memperlihatkan bahawa fenomena kod campur merupakan ciri dominan dalam hip-hop Malaysia, sekali gus menegaskan bahawa genre ini secara konsisten menampilkan pilihan bahasa yang kompleks dan sarat dengan fungsi wacana. Lagu *Sedih Hati* yang ditulisnya pada tahun 2023 satu daripada karya yang menampilkan gaya bahasa yang sarat dengan unsur stilistik yang kompleks dengan

menggabungkan elemen sastra, falsafah dan kritikan sosial dalam bentuk yang puitis dan menggetarkan emosi.

Stilistik ialah cabang ilmu linguistik yang meneliti gaya bahasa dalam karya sastra, khususnya dari sudut bentuk linguistik dan estetika ekspresi. Cabang ilmu ini menggabungkan aspek linguistik dan sastra untuk memahami cara gaya bahasa memperkukuh makna (Leech, 1969). Menurut Leech (1969), stilistik ialah kajian gaya melalui pendekatan linguistik yang membolehkan peneliti mengenal pasti bentuk bahasa istimewa, seperti deviasi, perulangan, simbolisme dan nada emosional. Dalam konteks puisi dan lirik lagu, stilistik sering mengaitkan penggunaan bahasa dengan unsur fonologi, sintaksis, morfologi dan semantik (Umar Junus, 1989). Hal ini selaras dengan pandangan Fowler (1986), iaitu stilistik mengkaji unsur bunyi, imej dan sintaksis dalam teks kreatif. Bagi Awang Sariyan (1985), stilistik berkembang melalui dua pendekatan utama, iaitu kajian ekspresif terhadap bahasa dan analisis gaya individu pengarang. Short (1996) pula menekankan analisis sistematik terhadap teks fiksiyen melalui pendepanan (*foregrounding*), pengulangan, pemilihan kata dan susunan sintaksis untuk menimbulkan kesan tertentu. Menurut Semino (2002), stilistik ialah kaedah untuk memahami cara teks membentuk pengalaman pembaca dan menyampaikan emosi, ideologi atau dunia naratif. Oleh itu, secara keseluruhan, stilistik menekankan analisis hubungan antara bahasa, makna, kesan estetik dan ideologi dalam pelbagai jenis teks, termasuklah sastra, muzik, media dan wacana sosial.

Selain itu, Jeffries (2010) menekankan pendekatan kritikal, iaitu stilistik digunakan untuk mendedahkan ideologi tersirat dalam teks, serta cara identiti, kuasa dan mesej sosial disampaikan melalui bahasa. Stilistik juga membantu memahami cara sesuatu teks menyampaikan, mengukuhkan atau menanam ideologi kepada pembacanya secara tepat (Jeffries, 2010). Pendekatan ini bertujuan untuk meneliti cara media menggambarkan atau menampilkan kumpulan, identiti, topik dan idea tertentu dari sudut ideologi, serta menyingkap ideologi tersirat yang mendasari representasi tersebut. Stilistik kritikal menumpukan makna tekstual yang menjadi teras stilistik, serta cara makna ini dipromosikan melalui fungsi ideasi bahasa Halliday untuk mewakili versi realiti yang mempunyai implikasi ideologi. Dengan berdasarkan cadangan Halliday (2004), iaitu bahasa terdiri daripada rangkaian pilihan linguistik yang membolehkan pengguna menyampaikan makna tertentu, Jeffries menyatakan bahawa makna tekstual dikodkan melalui pilihan stilistik ciri linguistik yang tertanam dalam sesuatu teks.

Skop kajian tertumpu pada teknik penulisan stilistik kritikal dalam lirik lagu *Sedih Hati*. Dengan penumpuan terhadap lirik lagu sebagai sumber data, kajian ini bukan sahaja memberikan sumbangan terhadap bidang stilistik dan linguistik, malah turut memperkukuh pemahaman tentang nilai kesusasteraan dalam penulisan lirik muzik kontemporari. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis teknik penulisan lirik lagu *Sedih Hati* menggunakan pendekatan stilistik kritikal yang diketengahkan oleh Jeffries (2010) dan melihat gaya bahasa yang terdapat dalam lirik lagu itu sendiri. Pendekatan ini menekankan cara bahasa digunakan untuk menceritakan ideologi dalam teks dan cara struktur linguistik berperanan dalam penyampaian mesej tersirat yang mencerminkan realiti sosial. Jeffries mencadangkan 10 fungsi wacana yang dapat dianalisis secara sistematik bagi mengenal pasti cara penulis atau pencipta menggunakan bahasa untuk menstrukturkan persepsi, mempengaruhi pembaca atau pendengar dan mencipta dunia makna yang tertentu.

Selain itu, pengkaji meneroka cara teknik bahasa dimanfaatkan secara strategik oleh Malique dalam penyampaian mesej sosial dan nilai kemanusiaan, di samping memperlihatkan bahawa lirik lagu, khususnya dalam genre rap, memiliki kedalaman makna dan signifikan budaya yang wajar diberikan perhatian dalam perbincangan akademik.

KAJIAN LEPAS

Lirik lagu rap di Malaysia makin mendapat perhatian sebagai medium penyampaian mesej sosial dan kritikan budaya. Menurut Nurhuda Mohamed (2009), lirik rap cenderung untuk mempengaruhi penggunaan bahasa tidak baku dalam kalangan pendengar, sekali gus menimbulkan persepsi negatif terhadap genre ini. Pengkaji ini menilai bahasa dalam rap dari sudut kesannya terhadap bahasa Melayu, bukannya dari sudut estetika atau strategi linguistik. Muhammad Zaid Daud (2017) pula menumpukan analisis semantik inkuisitif terhadap slanga kedai kopi, iaitu bahasa tidak formal yang digunakan dalam konteks sosial. Walaupun kajiannya tidak menjadikan lirik rap sebagai data utama, penyelidikan ini menunjukkan kecenderungan kajian terdahulu untuk meneliti makna leksikal dan makna tersirat tanpa menyentuh aspek stilistik kritikal.

Zulieda Azni dan Wan Amizah Wan Mahmud (2020) menganalisis representasi sosial dalam lirik lagu rap Aman RA dan mendapati bahawa mesej moral dan nilai sosial membentuk pengaruh utama terhadap penerimaan lagu rap. Namun begitu, fokus kajian masih terhad pada kandungan mesej,

bukannya strategi linguistik yang membina mesej tersebut. Noorhaqmal Mohamed Noor (2022) pula meneliti struktur rima dalam lirik rap tempatan dan menjelaskan cara rima dapat memperkukuh kesan retorik lirik. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak mengemukakan analisis gaya bahasa secara sistematik dari aspek stilistik kritikal.

Selain kajian khusus terhadap genre rap, beberapa penyelidik lain turut meneliti stilistik dalam teks kreatif, seperti novel dan puisi. Nur Alisa Ramli dan Mohamad Rozi Kasim (2023) menganalisis gaya bahasa dalam novel *Pantai Kasih* menggunakan teori Weber (1989) dan menekankan fungsi estetika gaya bahasa. Okunowo (2012) pula mengkaji pola kesejajaran dalam puisi moden Afrika untuk menonjolkan makna melalui repetisi dan struktur paralel. Daripada kedua-dua kajian ini, dapat dibuktikan bahawa pendekatan stilistik mampu memberikan tafsiran mendalam terhadap teks kreatif, namun kajian seumpama ini masih kurang diterapkan dalam lirik lagu moden, seperti rap. Tambahan lagi, Masitah Mad Daud et al. (2017) dan Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin dan Ahmad Wafi Yunus (2023) memberikan tumpuan terhadap analisis semantik dan retorik, tetapi tidak meneroka fungsi ideologi atau strategi linguistik secara kritikal menggunakan kerangka teori yang lebih menyeluruh.

Genre rap pada asalnya juga sering terkait dengan persepsi yang negatif. Menurut Binder (1993) yang menganalisis lagu rap dan heavy metal antara tahun 1985 hingga tahun 1990, genre rap lebih banyak memaparkan unsur seksual secara eksplisit dan jelas, manakala heavy metal pula hanya menerapkan tema tersebut secara halus dan tersirat. Seterusnya, Armstrong (2001) melakukan analisis kandungan terhadap 490 lagu rap yang diterbitkan antara tahun 1987 hingga tahun 1993. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 22% daripada lirik lagu tersebut mengandungi unsur keganasan terhadap wanita, termasuklah perbuatan, seperti serangan fizikal, rogol dan pembunuhan. Dengan mengambil kira perbezaan budaya dan peredaran masa, spektrum genre rap itu sendiri sudah pasti diolah bersandarkan penulisnya, masa dan lokasi muzik rap itu dihasilkan. Rap di Amerika berfungsi sebagai medium protes sosial yang memperjuangkan isu perkauman, ketidakadilan, kemiskinan dan pengalaman hidup komuniti Afrika–Amerika. Tema, seperti perjuangan, penentangan dan pemerkaasaan, sering mendominasi karya rap yang lahir daripada konteks masyarakat tertindas (Rose, 1994). Sebaliknya, di Asia, rap disesuaikan dengan budaya tempatan dengan penekanan nilai moral, identiti nasional dan isu sosial setempat, seperti kemiskinan bandar dan politik (Condry, 2006). Oleh itu, wujud keperluan untuk mengkaji rap

dalam bentuk penulisan lirik lagu berdasarkan budaya dan penggunaan gaya bahasa kerana Malique dalam genre yang sama, dalam lagu *Sedih Hati*, banyak menampilkan penggunaan gaya bahasa mendalam yang menuntut kepekaan dan penghayatan bahasa daripada pendengar dalam penyampaian sesuatu mesej sosial.

Menurut Davis (1985), lirik lagu merujuk kata atau teks yang disusun agar sepadan dengan melodi dan disampaikan melalui nyanyian. Dari sudut penggunaan lirik lagu sebagai sumber data, Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin dan Ahmad Wafi Yunus (2023) meneliti gaya bahasa retorik dalam lirik lagu *Pejamkan Mata* (2016) oleh Malique menggunakan teori retorik moden Enos dan Brown (1993). Hasil analisis mendapati keempat-empat jenis retorik moden, iaitu naratif, pemerian, eksposisi dan penghujahan, digunakan dengan penekanan terhadap retorik pemerian imaginatif. Penganalisan lima ungkapan metafora dalam lirik lagu *Mantera Beradu* karya Malique oleh Zuhairi Zainudin dan Julaina Nopiah (2024) menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dan rangka rujuk silang mendapati bahawa setiap metafora mengandungi makna tersirat yang berkaitan dengan emosi, pengalaman, usaha, kepura-puraan dan identiti, serta mencerminkan nilai budaya dan falsafah masyarakat. Semua kajian ini menyumbang kefahaman terhadap analisis gaya stilistik dalam pelbagai bentuk teks, termasuklah aspek perbandingan, sindiran dan pertautan dalam penyampaian mesej. Oleh itu, melalui pendekatan stilistik, lirik lagu Malique dapat dianalisis secara objektif dan saintifik untuk mengenal pasti unsur estetik dan kedalaman emosi yang tersirat di balik penggunaan bahasa. Kajian stilistik dalam konteks lagu rap Malique juga dapat dikaitkan dengan pandangan Lutfi Abbas (1988) yang menekankan bahawa stilistik mengesan perulangan bentuk linguistik untuk membuktikan keindahan universal dalam karya. Dalam lagu bertema kesedihan hati, pemilihan kata, perulangan frasa dan penyimpangan struktur ayat berfungsi untuk menzhahirkan tekanan emosi dan pemikiran mendalam. Jakobson (1960) turut menyokong pendekatan ini dengan menyatakan bahawa puitika atau estetika bahasa ialah sebahagian penting dalam pentafsiran stilistik.

Secara keseluruhan, kajian lepas menunjukkan bahawa analisis terhadap lirik rap di Malaysia masih terhad kerana kebanyakannya tertumpu pada makna literal, representasi sosial, rima, nilai, tema, retorik, metafora. Kajian stilistik kritikal belum diterapkan secara komprehensif, khususnya untuk menyingkap ideologi, strategi linguistik dan pembinaan suara sosial dalam lirik rap. Malah, lirik rap sebagai teks yang sarat dengan unsur sastera dan kritikan sosial kurang diberikan perhatian berbanding


dengan teks tradisional, seperti novel dan puisi. Oleh itu, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menerapkan kerangka stilistik kritikal yang dikemukakan oleh Jeffries (2010) bagi menganalisis cara Malique menggunakan strategi linguistik untuk membina ideologi, menyampaikan mesej sosial dan mencipta kesan estetik dalam lirik *Sedih Hati*.

METODOLOGI

Kajian ini kajian kualitatif yang dilakukan untuk menganalisis unsur stilistik dalam lirik lagu *Sedih Hati* oleh Malique dengan menggunakan kerangka stilistik kritikal yang dianalisis melalui 10 fungsi utama yang diperkenalkan oleh Jeffries (2010). Menurut Murni Mahmud (2019), pendekatan kualitatif melibatkan pengumpulan, penganalisan dan pentafsiran fakta yang dikumpulkan secara menyeluruh bagi memahami fenomena yang dikaji dalam konteks yang mendalam dan bermakna. Suhardi Mukmin (2008) pula berpendapat bahawa analisis terhadap teks bagi memahami sesuatu karya, kini makin berkembang dengan pelbagai pendekatan yang berbeza-beza. Model kerangka ini membolehkan penyelidik mengenal pasti dan menafsirkan cara bentuk linguistik dan gaya bahasa digunakan dalam lirik lagu untuk membina makna yang sarat dengan emosi, khususnya yang berkaitan dengan tema kesedihan hati yang berpandukan fungsi yang diutarakan oleh Jeffries (2010).

Sumber data dalam kajian ini ialah lirik lagu *Sedih Hati* nukilan Malique. Lagu yang dilancarkan pada 3 Jun 2023 ini karya yang unik dan “berani” yang menggabungkan antara elemen rap dengan melodi puitis dan kritikal. Lagu ini memuatkan segmen audio daripada lagu *Ratapan Anak* nyanyian Allahyarhamah Mona Fandey, seorang figura kontroversi dalam sejarah Malaysia, terutamanya pada bahagian pendahuluan dan latar belakang yang memberikan sentuhan emosi yang mendalam terhadap keseluruhan komposisi karya tersebut. Liriknyanya ditulis oleh Malique, manakala susunan muzik dihasilkan oleh Tripdisz, yang menampilkan bahasa yang kaya dengan metafora dan sindiran yang mencerminkan gaya penulisan Malique yang tajam dan reflektif, serta menyentuh isu sosial, politik dan kemanusiaan. Lirik lagu ini terdiri daripada lima bait utama, dengan setiap bait mengandungi antara empat hingga enam baris, serta dua bahagian korus yang diulang beberapa kali sepanjang lagu. Secara keseluruhan, lagu ini mempunyai antara 40 baris hingga 45 baris lirik dengan durasi tiga minit 23 saat. Lagu ini dipilih kerana menonjolkan tema kesedihan, kelukaan batin dan kerentanan emosi melalui pemilihan diksi yang puitis dan padat dengan makna.

Proses penyusunan dan pemilihan data menggunakan pendekatan Miles et al. (2018) yang merangkumi tiga tahap. Tahap pertama ialah pemeluwapan data (data condensation), iaitu mengenal pasti bait yang mengandungi strategi stilistik yang berkaitan dengan tema kesedihan. Tahap kedua ialah paparan data (data display), iaitu mempersembahkan petikan lirik dan kategori fungsi Jeffries dalam bentuk jadual atau anotasi. Tahap ketiga ialah penarikan kesimpulan (drawing conclusion), iaitu mentafsirkan cara strategi stilistik digunakan oleh Malique untuk menyampaikan emosi dan ideologi secara tersirat. Lagu ini dianalisis dari sudut stilistik kritikal melalui fungsi oleh Jeffries (2010) untuk melihat perkara yang dilakukan oleh sesuatu teks, serta menerangkan ciri linguistik dan model yang digunakan, hubungan antara bentuk dan fungsi, dan kesan ideologi yang terkandung dalam teks tersebut. Proses pengumpulan dan penganalisan data ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Proses pengumpulan dan penganalisan data.

Bagi mendedahkan makna tersirat dalam sesuatu teks melalui ciri linguistik, Jeffries (2010) mencadangkan kerangka stilistik kritikal yang menggabungkan analisis teks dalam stilistik dengan kesedaran ideologi, seperti yang terdapat dalam analisis wacana kritis (Jeffries & McIntyre, 2010). Senarai yang disediakan oleh Jeffries bukanlah sesuatu yang sepenuhnya baharu, sebaliknya merupakan pengumpulan alat analisis terdahulu yang digunakan oleh penganalisis wacana kritikal Fairclough (1989) dan ahli linguistik kritikal Fowler (1991), serta Simpson (1993), selain ditambah dengan alat baharu oleh Jeffries yang berfungsi secara serupa dengan alat tradisional seperti transitiviti dan modaliti (Jeffries, 2010). Melalui penganalisan tekstual dalam lirik lagu *Sedih Hati*, pengkaji meneliti pelbagai strategi linguistik, seperti penamaan, representasi tindakan, penafian, andaian dan perbandingan yang terdapat dalam lirik yang berpaksikan pendekatan stilistik kritikal

oleh Jeffries (2010). Hal ini turut dibincangkan oleh Wong Shia Ho dan Nor Hashimah Jalaluddin (2019) yang menekankan kepentingan pemahaman dalam pentafsiran lirik lagu bagi memperoleh penyampaian lagu yang sempurna.

Dalam kerangka stilistik kritikal, Jeffries (2010) mengenal pasti 10 fungsi utama seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1 Fungsi stilistik kritikal yang dikemukakan oleh Jeffries (2010).

Fungsi	Huraian
Penamaan dan penerangan	Menamakan orang, tempat atau objek, serta memberikan ciri atau kualiti kepadanya.
Mewakili tindakan/peristiwa/keadaan	Menunjukkan perkara yang dilakukan, perkara yang berlaku atau perkara yang dialami menggunakan kata kerja.
Menyamakan dan membandingkan	Menyatakan persamaan atau perbezaan untuk menguatkan makna atau ideologi.
Memberikan contoh dan menyenaraikan	Menyediakan senarai atau contoh untuk memperjelas atau menyokong maklumat.
Mengutamakan	Memberikan keutamaan terhadap makna atau elemen tertentu dalam ayat.
Mengandaikan dan menyiratkan	Menyampaikan maksud yang tersirat tanpa menyatakannya secara langsung.
Menafikan	Mengungkapkan penafian terhadap sesuatu tindakan, kenyataan atau kewujudan.
Mengandaikan kemungkinan	Membentangkan andaian atau keadaan yang bersifat spekulatif menggunakan struktur hipotesis.
Mempersembahkan ucapan dan pemikiran orang lain	Menyampaikan pandangan, ucapan atau pemikiran pihak lain secara langsung atau tidak langsung.
Mewakili masa, ruang dan masyarakat	Menunjukkan konteks masa, lokasi dan kedudukan sosial yang membentuk makna teks.

Nota. Jadual ini diadaptasi daripada *Critical Stylistics: The Power of English* oleh Lesley Jeffries, 2010.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini menghuraikan analisis lirik *Sedih Hati* oleh Malique berdasarkan 10 fungsi stilistik kritikal yang dikemukakan oleh Jeffries (2010) bagi mendedahkan cara bahasa digunakan untuk membina makna, menyampaikan ideologi dan mengangkat suara rakyat yang tertindas. Setiap fungsi dikupas bagi menunjukkan strategi linguistik yang diaplikasikan untuk mewakili tindakan, menggambarkan ketegangan sosial, mencipta dunia alternatif dan menyuarakan kritikan terhadap golongan berkuasa. Melalui teknik, seperti penamaan sinis, metafora tajam, deiksis ideologi dan susunan retorik, lirik ini menjadi medium ekspresif yang menyampaikan mesej sosial dan mesej politik secara puitis dan penuh makna.

Penamaan dan Penerangan

Fungsi ini meneliti cara entiti dinamakan dan diperihalkan melalui frasa nama untuk membina identiti dan menyematkan penilaian. Malique secara strategik melabelkan golongan pemerintah dengan istilah yang bukan sahaja merendahkan, tetapi juga menyahmanusiakan pemimpin atau individu yang berada dalam posisi kuasa tersebut. Lirik **badut-badut bangku muzikal** dan **gergasi geng beruk tuli** menggambarkan kelas pemerintah sebagai entiti yang menggelikan, tidak cekap dan tidak peka. Frasa kata nama am **badut-badut** digunakan dalam konteks poster satira yang menampilkan wajah ahli politik yang dilukis seolah-olah seperti badut. Pengkaji berpendapat bahawa penggunaan frasa ini berkait dengan tingkah laku ahli politik dalam sidang Parlimen apabila Yang Dipertua Dewan menegaskan bahawa Parlimen bukanlah tempat untuk aksi sarkas. Istilah **bangku muzikal** secara literal merujuk permainan sekumpulan orang yang berjalan mengelilingi beberapa kerusi sambil muzik dimainkan. Apabila muzik berhenti, setiap orang mesti segera duduk dan sesiapa yang tidak mendapat tempat duduk akan tersingkir. Namun begitu, dalam konteks kiasan atau metafora, istilah **bangku muzikal** sering digunakan untuk menggambarkan situasi dalam politik, organisasi atau masyarakat apabila seseorang individu itu sentiasa bertukar-tukar posisi atau jawatan, biasanya tanpa perubahan sebenar terhadap sistem atau hasil. Istilah **gergasi** pula merujuk kedudukan yang disandang oleh ahli politik yang menunjukkan status yang jauh lebih tinggi berbanding dengan rakyat biasa. Penggunaan metafora ini bukan sahaja menegaskan perbezaan kedudukan sosial, tetapi juga mencerminkan kebesaran kuasa, pengaruh dan ketidakseimbangan hubungan antara pemimpin dengan rakyat biasa.

Kritikan terhadap ahli politik turut dilihat melalui penggunaan gelaran, seperti **Dasar dajal hipokritikal**, **duta neraka** dan **baka derhaka**, yang mengeluarkan antagonis dari alam politik dan meletakkannya dalam naratif kejahatan kosmik. Penggunaan istilah teknikal, seperti **kakistokrasi** (pemerintahan oleh yang terburuk) dan rujukan mitologi konspirasi, seperti **anunnaki** mengukuhkan lagi imej aktor politik berkuasa yang menjadi sasaran kritikan lirik sebagai pemerintah yang tidak layak dan asing. Anunnaki ialah sekumpulan dewa dalam mitologi Sumeria kuno dan budaya Mesopotamia. Nama ini sering diterjemahkan sebagai anak langit atau makhluk setengah dewa yang turun dari langit (Christianto, 2022). Makhluk ini dipercayai mengawal takdir manusia, mengatur alam semesta dan berperanan penting dalam urusan manusia dan pemerintahan. Penggunaan istilah, seperti **dewa**, **anunnaki** (makhluk setengah dewa) dan **kakistokrasi**, menggambarkan golongan elit yang berkuasa sebagai makhluk mitos atau entiti yang kebal daripada keadilan yang menunjukkan kewujudan ketidakseimbangan kuasa, korupsi dan dominasi ideologi dalam struktur masyarakat. Sebaliknya, rakyat dinamakan sebagai **warga kemurungan** yang membina identiti sebagai mangsa yang menderita.

Malique menggunakan pilihan leksikal yang kaya dengan makna konotatif untuk menamakan pelaku sosial dan menggambarkan keadaan masyarakat secara sinis dan kritikal. Leksikal, seperti **Pak Pandir**, **Ruwaibidah** dan **kakistokrasi**, bukan sahaja berfungsi sebagai penamaan tokoh atau kelompok sosial, tetapi juga membawa unsur sindiran tajam terhadap kebodohan, kemunafikan dan kepincangan dalam sistem sosial dan politik. Istilah, seperti **deteriorasi mental**, **fizikal diragut** dan **zalim**, pula digunakan secara deskriptif untuk melambangkan kemerosotan kesihatan mental, penindasan fizikal dan sifat tidak berperikemanusiaan yang berlaku dalam masyarakat. Semua pilihan leksikal ini berfungsi untuk membina gambaran dunia lirik yang dipenuhi oleh ironi, kritikan sosial dan penolakan terhadap pentadbir dan pentadbiran dunia politik.

Mewakili Tindakan/Peristiwa/Keadaan

Fungsi mewakili tindakan/peristiwa/keadaan yang diperkenalkan oleh Jeffries (2010) menganalisis proses kata kerja (transitiviti) untuk mendedahkan “siapa yang melakukan apa kepada siapa”, sekali gus membongkar dinamik kuasa dan tanggungjawab. Golongan elit, iaitu kelompok berkuasa yang dikritik dalam lirik, digambarkan sebagai ejen yang melakukan tindakan material dan verbal yang kejam. Golongan ini

mempersendakan dan memperlekehkan golongan lemah, manakala rakyat marhaen pula ditampilkan sebagai pihak yang menanggung seksaan, penghinaan dan tekanan hasil tindakan tersebut. Tindakan golongan elit adalah aktif dan disengajakan. Sebaliknya, rakyat ialah penerima pasif tindakan ini kerana fizikal rakyat **diragut** atau **diranapkan** dan **jenuh dibuli**. Penggunaan bentuk kata kerja pasif berfungsi untuk menonjolkan kedudukan rakyat sebagai mangsa yang tidak berdaya. Perubahan ideologi dalam lirik *Sedih Hati* berlaku apabila kuasa yang bertindak tidak lagi dilihat datang daripada manusia, tetapi daripada kuasa ghaib, seperti **karma** dan **tulah**. Frasa, seperti **moga ditulah** dan **pupus yang zalim**, menunjukkan bahawa keadilan akan datang melalui pembalasan daripada alam atau takdir, bukan melalui sistem manusia. Hal ini menggambarkan harapan bahawa kezaliman akan berakhir dan kuasa akan kembali kepada orang biasa dengan bantuan kuasa luar biasa.

Baris **Yang kemaruk menagih puji, bertanding suci/Kita meratap, menangis, mengemis ruji** mewakili dua kumpulan sosial melalui penggambaran tindakan dan keadaan, selaras dengan fungsi mewakili tindakan/peristiwa/keadaan dalam kerangka Jeffries (2010). Baris **kemaruk menagih puji, bertanding suci** menggambarkan tindakan golongan elit atau hipokrit yang gilakan sanjungan dan berpura-pura untuk menunjukkan kesucian. Tindakan ini bersifat aktif, namun bertujuan untuk memanipulasikan imej dan mengelirukan khalayak. Data ini memperlihatkan keadaan masyarakat yang dipimpin oleh kelompok yang lebih mementingkan pengiktirafan luaran berbanding dengan keikhlasan. Sebaliknya, dalam baris **meratap, menangis, mengemis ruji**, tindakan ini menggambarkan keadaan pasif dan penuh penderitaan yang dialami oleh rakyat marhaen. Rakyat marhaen ini digambarkan sebagai terluka, kelaparan dan tidak berdaya, melalui kata **ruji** (makanan asasi) yang melambangkan tahap kesengsaraan yang melampau. Dengan membandingkan dua kumpulan ini melalui tindakan dan keadaan, lirik ini membina naratif dualisme sosial, iaitu elit yang berpura-pura dan rakyat yang menderita secara nyata. Oleh itu, lirik ini bukan sekadar menggambarkan peristiwa, tetapi juga mengkritik ketidakseimbangan kuasa dan empati dalam masyarakat secara halus, tetapi tajam, menggunakan fungsi stilistik Jeffries secara strategik.

Tindakan, seperti **menangis, mengemis, diseksa** dan **dibuli**, memperlihatkan subjek sebagai mangsa yang pasif, tidak berdaya dan sentiasa menerima tekanan daripada sistem yang bersifat menindas. Sementara itu, keadaan, seperti **kemurungan, kebuntuan** dan **gawat**,

mencerminkan ketegangan mental dan emosi yang kronik, yang bukan sahaja dialami secara individu, tetapi turut mencerminkan krisis dalam struktur masyarakat secara keseluruhan. Malique turut menekankan peristiwa, seperti **dipenjara** dan **diranap**, yang memperkukuh gambaran realiti kejam apabila keadilan sering dinafikan dan kekerasan menjadi norma. Tindakan, keadaan dan peristiwa yang digambarkan memperkuat naratif penderitaan sosial dan psikologi yang dialami oleh golongan tertindas. Semua elemen ini berfungsi bukan sahaja untuk membangkitkan empati, tetapi juga mengangkat kesedaran ideologi tentang ketidakadilan sistemik melalui pendekatan stilistik yang kritikal.

Menyamakan dan Membandingkan

Fungsi stilistik kritikal ini melihat cara lirik lagu menggunakan persamaan (metafora) dan perbezaan (antitesis) untuk menyampaikan mesej. Dalam lirik lagu *Sedih Hati*, Malique membina liriknya dengan pertentangan yang jelas antara dua dunia. Contohnya, **tuan di angkasa bercumbuan** berlawanan dengan **warga kemurungan**, manakala **gah di rumah agam** berlawanan dengan **mengemis ruji**. Hal ini menunjukkan jurang yang besar antara golongan elit yang hidup mewah dengan rakyat biasa yang hidup susah. Gaya ini ciri utama dalam wacana atau retorik yang memperjuangkan suara rakyat.

Selain itu, Malique menggunakan metafora yang kuat untuk menunjukkan tahap kerosakan politik pada masa ini. Masalah politik tidak digambarkan sebagai kesilapan biasa, tetapi seolah-olah suatu bentuk dosa atau pencemaran moral. Contohnya, penggunaan istilah **diarea politikal** dalam lirik lagu tersebut bukan sahaja menggambarkan politik sebagai sesuatu yang kotor dan menjijikkan, tetapi juga menekankan sifat yang berlarutan dan tidak terkawal, seperti penyakit cirit-birit yang kadang-kadang berlaku tanpa henti. Metafora ini menekankan bahawa masalah politik yang dikritik oleh penulis lirik bersifat kronik dan berulang, serta memberikan kesan negatif yang berterusan terhadap masyarakat. Frasa, seperti **jamu darah daging resipi haram** dan **ramu racun**, menggambarkan ahli politik sebagai individu yang melakukan amalan kejam, seperti memakan sesama sendiri atau bermain dengan ilmu hitam. Semua ini menunjukkan bahawa kerosakan politik bukan sekadar salah urus, tetapi perkara yang kotor, kejam dan tidak berperikemanusiaan.

Lirik *Sedih Hati* oleh Malique ini membentuk pelbagai pertentangan nilai yang memperkuat mesej moral dan kritikal terhadap keadaan

masyarakat. Satu daripada cara utama yang digunakan oleh penulis ialah pembinaan dikotomi, iaitu dua sisi berlawanan yang mencerminkan baik lawan jahat atau rakyat tertindas melawan golongan elit. Sebagai contoh, frasa **yang istiqamah** berbanding **yang Ruwaibidah** menunjukkan perbezaan antara golongan yang teguh, jujur dan berpegang pada prinsip agama, dengan golongan yang sesat dan berbahaya menurut maksud asal Ruwaibidah, iaitu orang bodoh yang memandai-mandai dalam urusan awam. Hal ini bukan sekadar label, tetapi suatu bentuk peringatan sosial, iaitu “siapa yang harus dihormati dan siapa yang harus dijauhi”.

Dalam baris, seperti **kita meratap, menangis, mengemis ruji dan bertanding suci**, lirik ini menunjukkan perbandingan antara rakyat yang menderita dengan golongan elit yang berpura-pura baik dan suci. Elit ini bukan sahaja tidak membantu rakyat, malah berlumba-lumba untuk menonjolkan kesucian imejnya di hadapan khalayak. Perbandingan ini sangat kuat dalam penyampaian perasaan ketidakadilan kerana rakyat digambarkan sebagai mangsa yang sebenar, tetapi suaranya ditenggelami oleh retorik palsu golongan berkuasa. Kenyataan ini secara tidak langsung mencerminkan budaya intelektual masyarakat Melayu, serta cara fikir, emosi, aspirasi dan sikap penutur terhadap kehidupan dan sekitarnya (Asmah Haji Omar, 2002).

Pertentangan lain yang ketara adalah antara **yang mati** dengan **yang menagih puji**. Data ini ialah bentuk kekecewaan dan kemarahan moral yang mendalam apabila nyawa manusia tidak dihargai, dan pada masa yang sama, ada golongan yang masih sibuk mencari pujian dan perhatian. Malique secara tidak langsung menempelak sikap hipokrit golongan yang hanya mementingkan imej diri, sedangkan penderitaan sebenar berlaku di hadapan mata. Semua dikotomi ini bersama-sama membina satu wacana yang tajam dan penuh emosi, menyerlahkan konflik kelas, ketidakseimbangan moral dan ironi dalam masyarakat kontemporari.

Memberikan Contoh dan Menyenaraikan

Dalam lirik *Sedih Hati*, Malique menggunakan teknik penyenaian dan pemberian contoh secara berkesan untuk menekankan mesej dan mencipta kesan retorik yang kuat. Satu daripada contoh ketara ialah penggunaan senarai kata sifat yang berakhir dengan akhiran “-al”, seperti **kritikal, deteriorasi mental, fizikal diragut, tipikal egotistikal, hipokritikal, apokaliptikal, politikal, praktikal, teatrikal, farmaseutikal dan muzikal**. Rentetan kata ini bukan sahaja membentuk alunan yang padu

dari segi bunyi, malah secara semantiknyanya menggambarkan suasana negara yang sedang mengalami kejatuhan menyeluruh dari aspek mental, fizikal, politik hinggalah aspek budaya. Hal ini mencerminkan himpitan masalah yang bertali arus, seolah-olah satu sindrom keruntuhan sistemik yang tidak dapat dibendung.

Selain itu, Malique turut menyenaraikan pelbagai sifat negatif dalam frasa, seperti **rasis**, **fasis**, **narsisis**, **fasik**, yang berfungsi untuk menggambarkan musuh atau golongan tertentu sebagai pembawa segala kebobrokan ideologi moden. Senarai ini menimbulkan kesan kecaman yang menyeluruh dan tanpa kompromi. Penggunaan rentetan adjektif seperti ini dan frasa **korup minda dan hati** memperlihatkan tahap kerosakan moral yang melampau dalam masyarakat atau golongan pemerintah yang dikritik dengan jelasnya. Deretan kata ini bukan sahaja memperkukuh kesan kecaman, malah membina gambaran mendalam tentang keruntuhan nilai kemanusiaan dan keagamaan. Teknik ini menguatkan kesan penindasan dan kerosakan melalui pengulangan pelbagai istilah yang membawa konotasi negatif. Tidak ketinggalan, bentuk doa yang disusun secara berturutan dalam baris, seperti **Moga segera berakhir gawat (amin)/Semoga semua derita dirawat (amin)** dan **Yang istiqamah semoga dirahmat (amin)**, juga menambah elemen emosi dan kesungguhan dalam penyampaian mesej. Doa ini menimbulkan kesan ritualistik, memperlihatkan harapan yang mendalam dan permohonan yang tulus kepada Tuhan, sekali gus menyerlahkan konflik dan keresahan batin masyarakat yang diwakili oleh penyanyi.

Mengutamakan

Dalam lirik lagu *Sedih Hati* oleh Malique, unsur ini digunakan secara strategik bagi menekankan aspek kebejatan moral dan korupsi golongan elit sebagai isu utama yang ingin disampaikan kepada pendengar. Lagu ini secara berterusan memposisikan kritikan sosial terhadap golongan elit yang korup sebagai inti naratif berbanding dengan membincangkan dasar atau masalah sistem secara teknikal.

Hal ini dapat dilihat melalui siri soalan retorik yang dilontarkan pada pertengahan lagu, seperti **Apa rasanya gah di rumah agam?**, **Apa rasanya lena tidur malam?**, **Apa rasanya hidup diampu khadam?**, **Apa rasa jamu darah daging resipi haram?**, dan **Apa rasa fantasi jadi dewa?**. Soalan ini bukan bertujuan untuk mendapatkan jawapan literal, tetapi berfungsi sebagai alat untuk mendedahkan sisi kehidupan golongan

elit yang penuh kepura-puraan, ketamakan dan ketidaksensitifan terhadap penderitaan rakyat. Pemfokusan terhadap gaya hidup mewah berasaskan sumber yang haram seperti yang dapat dilihat dalam metafora **jamu darah daging resipi haram** mbingkaikan naratif bahawa punca utama kesengsaraan rakyat ialah penyalahgunaan kuasa oleh golongan atasan.

Selain itu, lirik ini turut mengutamakan tema hukuman dan pembalasan sebagai penutup logik terhadap naratif kezaliman yang dibina. Hal ini dibuktikan melalui frasa, seperti **Moga ditulah tuan seketurunan**, yang diletakkan selepas pendedahan panjang tentang kerosakan dan kekejaman elit. Penempatan bait ini bukan secara rawak, tetapi mencerminkan susunan strategik yang mengutamakan mesej keadilan kosmik, iaitu kezaliman akan mendapat pembalasan, yang jika bukan oleh manusia, oleh kuasa yang lebih tinggi. Panggilan aksi, seperti **Mobilisasi, mulakan draf, fisabilillah, rapatkan saf**, ditempatkan pada bahagian hampir akhir lagu. Hal ini memperkukuh kesan retorik, iaitu setelah seluruh kerosakan dan ketidakadilan didedahkan, pendengar digalakkan untuk bertindak. Dalam konteks ini, penstrukturan lirik tidak hanya membina makna, tetapi juga membentuk urutan logik dan emosi yang menggerakkan pendengar daripada kesedaran kepada tindak balas.

Pengulangan ayat **Sedih hati tak terkira** dan **Berilah daku harapan** dalam lagu *Sedih Hati* oleh Malique berfungsi sebagai elemen stilistik penting yang memperkuat ekspresi emosi dan memperjelas mesej harapan yang mendalam terhadap perubahan. Ayat ini diulang dalam korus lagu, menjadikannya sebagai titik tumpu emosi yang mengikat keseluruhan naratif, sekali gus menggambarkan kepiluan jiwa dan keinginan untuk keluar daripada penderitaan. Selain itu, baris, seperti **Moga segera berakhir gawat (amin)** yang muncul pada bahagian awal lirik dan **Inalillahi khalif khilaf** yang ditempatkan pada penutup lagu, berperanan penting dalam pengukuhan tema penolakan kezaliman serta aspirasi terhadap keadilan dan pemulihan. Ungkapan ini bukan sahaja mengakhiri lagu dengan unsur doa, tetapi juga menegaskan bahawa perjuangan rakyat untuk keadilan adalah suci dan perlu diteruskan dengan semangat yang istiqamah.

Keseluruhannya, teknik mengutamakan ini memperlihatkan cara Malique menyusun struktur wacana secara halus untuk memfokuskan mesej ideologi, iaitu kritikan terhadap elit yang korup, keinginan terhadap keadilan dan seruan terhadap perubahan sosial, yang semuanya disampaikan melalui susunan bait yang membina kesan klimaks dalam naratif lirik lagu tersebut.

Mengandaikan dan Menyiratkan

Teknik mengandaikan dan menyiratkan merupakan fungsi stilistik kritikal Jeffries (2010) yang menumpukan elemen praandaian dan implikatur, iaitu aspek makna yang tidak dinyatakan secara eksplisit, namun difahami oleh pendengar melalui konteks dan konvensi linguistik. Dalam lirik *Sedih Hati*, penggunaan soalan retorik, seperti **Apa rasanya gah di rumah agam?**, mengandungi praandaian bahawa golongan elit sememangnya hidup dalam kemewahan dan kekurangan empati terhadap kesengsaraan rakyat. Bagi memahami soalan ini, pendengar perlu menerima praandaian tersebut sebagai kebenaran yang tersirat, seterusnya menjadikannya suatu alat retorik yang memperkukuh mesej kritikan sosial.

Selain itu, baris, seperti **Persalahkan segalanya kecuali pekung sendiri** mengandungi praandaian bahawa kewujudan **pekung**, iaitu keburukan atau korupsi dalaman merupakan sesuatu yang diketahui dan difahami bersama oleh pendengar. Hal ini mewujudkan hubungan implisit antara penulis lirik dengan pendengar berdasarkan perkongsian maklumat yang tidak dinyatakan secara langsung, tetapi difahami melalui konteks budaya dan pengalaman kolektif. Malique turut menggunakan praandaian dan implikatur untuk menyampaikan kritikan tersirat terhadap pihak berkuasa. Seterusnya, baris, seperti **kalau tuan di angkasa bercumbuan** menyiratkan keadaan pemimpin yang hidup mewah dan jauh daripada penderitaan rakyat, manakala baris **Korup minda dan hati, tanggungjawab dinafi** menggambarkan kerosakan sistem yang berpunca daripada kegagalan moral individu yang berkuasa. Kedua-dua baris ini memperlihatkan cara makna tersembunyi disampaikan melalui gaya bahasa yang halus dan penuh sindiran.

Penggunaan metafora yang kuat, seperti **duta neraka** pula, berfungsi sebagai implikatur, iaitu ungkapan yang tidak dimaksudkan secara literal, tetapi menyampaikan makna yang mendalam dan bernada kecaman moral yang melampau. Melalui implikatur ini, Malique tidak sekadar menyampaikan kritikan, tetapi menyatakan kutukan secara simbolik yang jauh lebih tajam dan emosi berbanding dengan pernyataan langsung. Keseluruhannya, fungsi ini memperlihatkan cara makna dan ideologi dapat disampaikan secara tersirat, namun tetap memberikan impak yang mendalam melalui strategi stilistik yang halus dan berkesan.

Menafikan

Lirik **Persalahkan segalanya kecuali pekung sendiri** dalam lagu *Sedih Hati* ini merupakan suatu bentuk penafian ideologi yang sangat kuat dan analisisnya dalam konteks fungsi menafikan menurut Jeffries (2010) mengungkapkan cara bahasa digunakan untuk membina makna melalui ketiadaan atau penolakan realiti tertentu. Dalam lirik ini, terdapat penafian secara tersirat terhadap tanggungjawab atau akauntabiliti diri, iaitu tindakan menyalahkan pihak lain, seperti **propaganda** dan **konspirasi**, menjadi alat retorik untuk mengalih perhatian daripada kelemahan atau kesalahan sebenar, yang dirujuk secara metafora sebagai **pekung sendiri**. Penggunaan kata **kecuali** menunjukkan bahawa segala perkara lain dipersalahkan selain apa-apa yang sepatutnya dihadapi secara jujur, iaitu kebobrokan atau dosa dalaman. Makna yang tersembunyi di balik penafian ini ialah kewujudan budaya tidak bertanggungjawab apabila masyarakat atau pemimpin tidak mahu mengakui kesilapan sendiri, sebaliknya membina naratif alternatif yang menyalahkan elemen luar, seperti musuh, sistem dan propaganda sebagai punca segala masalah.

Dalam konteks stilistik kritikal, hal ini mencerminkan realiti wacana yang bersifat manipulatif apabila bahasa digunakan untuk menutup kebenaran, memutar naratif dan membina satu “dunia” yang menyenangkan pihak tertentu. Dari sudut ideologi, penafian ini mengukuhkan amalan mencari “kambing hitam” yang lazim dalam sistem yang korup. Penulis lirik ini mengkritik sikap tersebut secara tajam dengan menyatakan bahawa selagi pekung sendiri tidak diakui, masalah sebenar tidak akan selesai. Malique dengan sinisnya menampilkan realiti masyarakat yang lebih selesa menyalahkan orang lain berbanding dengan bermuhasabah dan memperbaiki diri. Selain itu, ungkapan **Apa rasa roh tanpa empati?** dan **Korup minda dan hati, tanggungjawab dinafi** jelas menunjukkan penafian sifat kemanusiaan asas dalam diri individu berkuasa, seterusnya menggambarkan golongan tersebut sebagai makhluk tidak berperasaan dan korup secara spiritual. Penafian dalam lirik ini bukan sekadar bentuk bahasa, tetapi menjadi alat untuk membongkar realiti alternatif yang mencerminkan ketidakadilan sistemik dan ketandusan nilai dalam kalangan golongan elit. Fungsi ini menunjukkan cara makna dan ideologi tersirat dapat dibina melalui ketiadaan, penolakan dan pengingkaran dalam wacana lirik.

Mengandaikan Kemungkinan

Pembinaan pelbagai bentuk realiti alternatif dan masa hadapan yang belum pasti melalui penggunaan kata modaliti, struktur bersyarat dan pernyataan retorik merupakan asas bagi fungsi mengandaikan kemungkinan ini. Unsur hipotesis ini digunakan untuk menggambarkan harapan, kekecewaan dan projeksi terhadap perubahan sosial dan keadilan yang diidamkan. Kata modaliti, seperti **Moga**, dalam baris **Moga segera berakhir gawat, Semoga semua derita dirawat dan Moga ditulah tuan seketurunan** tidak sekadar menyampaikan harapan, tetapi membina naratif masa hadapan yang diimpikan, iaitu suatu bentuk dunia yang adil yang terbina daripada campur tangan takdir atau keseimbangan kosmik. Hal ini mencerminkan strategi stilistik untuk menyatakan keinginan rakyat yang tertindas tanpa menyatakannya secara langsung. Selain itu, penggunaan struktur bersyarat dalam frasa, seperti **Kalau tuan di angkasa bercumbuan**, mempersembahkan senario hipotesis yang berfungsi sebagai sindiran terhadap golongan berkuasa yang dikatakan leka dengan kesenangan dan tidak mempedulikan penderitaan rakyat. Teknik ini juga menyerlahkan jurang empati dan moral antara penguasa dengan rakyat jelata, lalu mencerminkan konflik ideologi antara dua kelas sosial yang berbeza.

Akhirnya, baris, seperti **Tunggu sihirnya dicabut nantikan hari bulan** dan seruan aksi, seperti **Mobilisasi, mulakan draf** juga membina naratif hipotesis tentang kemungkinan masa hadapan yang lebih baik melalui perjuangan kolektif. Penggunaan unsur hipotesis ini menjadikan lirik lagu ini bukan sahaja sebagai luahan emosi, tetapi juga sebagai medan untuk membina imaginasi sosial dan kritikan ideologi secara tersirat dan retorik. Oleh itu, fungsi ini dalam lirik lagu *Sedih Hati* memperkukuh penyampaian mesej ideologikal melalui penciptaan dunia alternatif, baik dalam bentuk harapan, sindiran mahupun penolakan terhadap kepincangan dalam dunia politik.

Mempersembahkan Ucapan dan Pemikiran Orang Lain

Rujukan terhadap cara penulis mewakili suara, pendapat atau pemikiran pihak lain dalam teks, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dijadikan asas utama dalam fungsi **mempersembahkan ucapan dan pemikiran orang lain**. Dalam konteks lirik *Sedih Hati* oleh Malique, ungkapan, seperti **Salam dari warga kemurungan**, memperlihatkan bahawa teknik ini digunakan untuk mempersembahkan suara kolektif

rakyat yang tertindas, bukan sebagai pemerhatian dari luar, tetapi sebagai kenyataan dalaman daripada kumpulan itu sendiri, iaitu dari perspektif orang yang mengalaminya secara langsung. Ungkapan ini berperanan penting untuk mewujudkan kesan empati dan solidariti antara pendengar dengan watak lirik yang diwakili. Kata **Salam** bukan sahaja berfungsi sebagai ucapan, tetapi juga suatu bentuk komunikasi simbolik daripada **warga kemurungan**, kepada pendengar di luar naratif, seolah-olah pendengar diajak untuk mendengar luahan sebenar daripada orang yang menderita. Hal ini merupakan representasi ucapan kolektif yang mengangkat suara golongan marginal yang jarang-jarang diberi ruang dalam wacana dominan, seperti dalam media arus perdana atau politik rasmi. Selain itu, frasa ini memperlihatkan deiksis ideologi yang kuat, iaitu penentuan posisi melalui bahasa. Frasa **warga kemurungan** membina identiti kumpulan berdasarkan keadaan emosi dan sosial. Dalam hal ini, kemurungan bukan sahaja merujuk kesedihan peribadi, tetapi juga keadaan mental dan kolektif akibat tekanan sistemik dan sosial. Dalam hal ini, penulis lirik bertindak sebagai persona naratif yang menggabungkan identitinya bersama-sama kumpulan tersebut, lalu mempersembahkan pemikiran dan suara kumpulan itu kepada khalayak.

Walaupun tidak menggunakan tanda petik atau struktur ujaran langsung, penggunaan ungkapan ini menyampaikan apa-apa yang mungkin difikirkan atau dirasai oleh **warga kemurungan**, iaitu menderita dan memerlukan perhatian. Oleh itu, teknik ini bukan sahaja menyampaikan maklumat, tetapi juga menggerakkan dimensi emosi dan ideologi pendengar untuk lebih memahami dan bersolidariti dengan pihak yang tertindas. Secara keseluruhan, melalui fungsi ini, Malique berjaya menjadikan liriknya sebagai ruang suara alternatif bagi rakyat marhaen. Penulis ini memperlihatkan bahawa bahasa dalam lirik rap bukan sekadar medium ekspresi, tetapi turut menjadi wadah representasi wacana sosial yang berlapis-lapis dan penuh makna ideologi.

Mewakili Masa, Ruang dan Masyarakat

Dalam lirik *Sedih Hati* karya Malique, strategi linguistik ini dimanfaatkan dengan telitinya untuk mewujudkan realiti sosial yang terpecah dan penuh ketegangan antara dua dunia, iaitu rakyat yang menderita dan golongan elit yang berkuasa.

Dari segi masyarakat, deiksis sosial diterapkan dengan jelasnya melalui pembentukan dikotomi antara dua kelompok, iaitu **kita** (rakyat marhaen) dan

tuan (golongan elit atau pemerintah yang dikritik). Kata ganti nama **kita** dalam baris **kita meratap, menangis, mengemis ruji** menyatukan suara rakyat marhaen dalam satu entiti kolektif yang mengalami kesengsaraan bersama. Baris **Salam dari warga kemurungan** memperkukuh lagi identiti kumpulan ini sebagai entiti yang terpinggir secara emosi dan sosial. Sebaliknya, **tuan** (golongan elit atau pemerintah yang dikritik) digambarkan melalui ungkapan, seperti **tuan di angkasa bercumbuan**, yang membina imej elit atau pemerintah sebagai kelompok yang bukan sahaja berkuasa, tetapi juga terasing dan tidak berempati. Perbezaan ini mewujudkan ketegangan ideologi antara pihak yang ditindas dengan pihak yang menindas.

Dari aspek ruang, deiksis digunakan untuk mewujudkan jurang geografi dan simbolik antara dua dunia yang tidak seimbang. Istilah, seperti **rumah agam** dan **angkasa**, tidak hanya merujuk tempat fizikal, tetapi juga mewakili kedudukan kuasa dan kekayaan. Kata **angkasa** melambangkan keterasingan dan kelangsungan hidup golongan elit yang bebas daripada penderitaan rakyat. Hal ini berbeza daripada **atap diranap** yang menggambarkan keruntuhan literal dan simbolik kehidupan rakyat.

Sementara itu, dari sudut masa, lirik ini berakar pada masa kini yang suram yang digambarkan dengan istilah, seperti **kritikal, deteriorasi mental**, yang menunjukkan krisis mental dan sosial yang sedang berlaku. Namun begitu, lagu ini juga memberikan isyarat kepada masa hadapan melalui frasa, seperti **mengharungi masa depan**, yang membayangkan harapan untuk perubahan dan penebusan. Masa hadapan yang lain pula dibingkaikan secara lebih radikal dan penuh dendam, misalnya dalam ungkapan **Tunggu sihirnya dicabut nantikan hari bulan dan hingga ke hari dieleminasi**. Kedua-dua frasa ini mencadangkan suatu bentuk keadilan eskatologi, iaitu pembalasan yang dijanjikan akan berlaku kepada penzalim. Tegangan antara masa kini yang menderita dengan masa hadapan yang dijanjikan mewujudkan daya naratif yang kuat dan penuh emosi, serta menggambarkan harapan rakyat bahawa keadilan akan muncul, sama ada secara ilahi atau melalui tindakan kolektif. Melalui penggunaan deiksis yang strategik, lirik *Sedih Hati* tidak hanya menceritakan penderitaan rakyat, tetapi juga membingkaikan dunia yang jelas berpecah antara yang tertindas dengan penindas, sambil memberikan harapan bahawa perubahan tetap suatu yang mungkin, walaupun melalui jalan yang panjang dan perit.

KESIMPULAN

Hasil analisis lirik *Sedih Hati* oleh Malique melalui sepuluh fungsi stilistik Jeffries (2010) menunjukkan penggunaan bahasa yang tajam dan strategik dalam penyampaian kritikan sosial dan ideologi tersembunyi. Lirik ini membina dunia yang memperlihatkan pertentangan nilai antara rakyat tertindas dengan golongan elit yang berkuasa melalui teknik, seperti penamaan sinis, penggambaran tindakan zalim, penderitaan rakyat, serta kontras moral melalui metafora dan perbandingan. Penekanan terhadap tindakan golongan elit dan keadaan rakyat mendedahkan ketidakseimbangan kuasa dan kerosakan sistemik dalam masyarakat. Penggunaan andaian, penafian, implikatur dan hipotesis pula menambah kekuatan retorik lirik ini, mengajak pendengar menyelami makna tersirat dan memahami realiti yang dibongkar secara halus. Elemen deiksis masa, ruang dan masyarakat pula mengukuhkan gambaran jurang sosial dan ketegangan ideologi antara dua dunia yang berbeza.

Secara keseluruhan, lirik lagu *Sedih Hati* bukan sahaja membawa suara marhaen, tetapi turut membina naratif alternatif yang menyeru perubahan sosial. Lebih daripada sekadar hiburan, lirik ini membuktikan bahawa muzik, khususnya rap, mampu menjadi medium protes, refleksi ideologi dan penyebar kesedaran. Isu, seperti penindasan dan keadilan, yang diketengahkan bersifat universal, seterusnya menjadikan lagu ini relevan pada peringkat lokal dan global. Lagu ini memperlihatkan kekuatan liriknya dalam pembinaan solidariti, penggugahan emosi dan penyampaian mesej kritikal yang sukar diluahkan secara langsung. Bagi kajian pada masa hadapan, pengkaji lain dicadangkan untuk membandingkan gaya lirik Malique dengan penyanyi rap lain di Malaysia atau rantau Nusantara bagi melihat perbezaan penyampaian kritikan sosial.

PENGHARGAAN

Pengarang mengucapkan penghargaan dan ucapan terima kasih setinggi-tingginya kepada Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa (Centre of Islamic, General and Language Studies), Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) atas segala kemudahan, sokongan akademik dan bimbingan yang membantu kelancaran kajian ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohd Asyraf Abdul Rahman: Merangka bentuk kajian, menganalisis data, menulis draf awal makalah dan pengesahan makalah akhir; Muhd Bazli

Hashim: Semakan literatur, pemerkasaan kerangka teori, penulisan bahagian metodologi dan pengesahan makalah akhir; Mohammad Khairuddin Majidillah: Penulisan makalah, penyuntingan teks, semakan kandungan akademik, pemurnian struktur penulisan dan pengesahan makalah akhir.

PENDANAAN

Penerbitan ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Armstrong, E. G. (2001). Gangsta misogyny: A content analysis of the portrayals of violence against women in rap music (1987–1993). *Journal of Criminal Justice and Popular Culture*, 8(2), 96–126.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan santun bahasa*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Awang Sariyan. (1985). *Dari kata ke kata: Persoalan stilistik Melayu*. Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Binder, A. (1993). Constructing racial rhetoric: Media depictions of harm in heavy metal and rap music. *American Sociological Review*, 58(6), 753–767.
- Christianto, V. (2022). Mencari guru sejati: Makna spiritual identitas manusia pendusta (“Spouter of lies”) dalam naskah Qumran. *Jurnal Teologi Amreta*, 5(2), 67. <https://doi.org/10.54345/jta.v5i2.69>
- Condry, I. (2006). *Hip-hop Japan: Rap and the paths of cultural globalization*. Duke University Press.
- Davis, S. (1985). *The craft of lyric writing*. Writer’s Digest Books.
- Fairclough, N. (1989). *Language and power*. Longman.
- Fowler, R. (1986). *Linguistic criticism*. Oxford University Press.
- Fowler, R. (1991). *Language in the news: Discourse and ideology in the press*. Routledge.
- Haida Umiera Hashim, & Aisyah Al-Kaff Zamsari. (2025). *Code-mixing in selected Malaysian hip-hop discography*. *Ideology Journal*, 10(1), 259–272. <https://doi.org/10.24191/ideology.v10i1.685>

- Jakobson, R. (1960). Linguistics and poetics. Dlm. T. A. Sebeok (Pnyt.), *Style in language* (hlm. 350–377). MIT Press.
- Jeffries, L. (2010). *Critical stylistics: The power of English*. Palgrave Macmillan.
- Jeffries, L., & McIntyre, D. (2010). *Stylistics*. Cambridge University Press.
- Umar Junus. (1989). *Stilistik: Satu pengantar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. N. (1969). *A linguistic guide to English poetry*. Longman.
- Lutfi Abbas. (1988). Teori keindahan: Huraian, fikiran, pencerita dan monolog. *Dewan Sastera*, 18(10), 12–22.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldaña, J. (2018). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook* (ed. ke-4.). SAGE Publications.
- Muhammad Zaid Daud. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaysia Sarawak. <http://ir.unimas.my/id/eprint/26683>
- Mukhlis Azman, & Nor Eleyana Abdullah. (2023). An analysis of code-switching in the lyrics of selected Malaysian hip-hop songs. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), 265–273.
- Murni Mahmud. (2019). The use of politeness strategies in the classroom context by English university students. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 8(3), 597–606. <https://doi.org/10.17509/ijal.v8i3.15258>
- Noorhaqmal Mohammed Noor. (2022, 11 Januari). Rima rap mesej berpengaruh. *Academia*. https://www.academia.edu/4946349/Noorhaqmal_Rima_Rap_Mesej_Berpengaruh
- Nur Alisa Ramli, & Mohamad Rozi Kasim. (2023). Analisis stilistik dalam novel *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin. *Malay Literature*, 36(1), 137–166. [https://doi.org/10.37052/ml36\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/ml36(1)no7)
- Nurhuda Mohamed (2009). Rap memberi nafas baharu kepada bahasa Melayu. *Jurnal Akademik Persatuan Budaya Melayu Program Latihan Khas (Bahasa Ibunda)*, 9(2), 39–40. <https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/13-57-1-PB-with-cover-page-v2.pdf>
- Okunowo, Y. (2012). Patterns of parallelism as trope of meaning in Osundare's poetry. *Academic Research International*, 2(2), 715–723.
- Othman Puteh. (2000). Pendekatan estetika atau keindahan bahasa dalam kritikan sastera Melayu. *Dewan Sastera*, 9, 1–12.
- Rose, T. (1994). *Black noise: Rap music and Black culture in contemporary America*. University Press of New England.
- Semino, E. (2002). Stylistics and linguistic variation in poetry. *Journal of English Linguistics*, 30(1), 28–50.
- Short, M. H. (1996). *Exploring the language of poems, plays and prose*. Longman.
- Simpson, P. (1993). *Language, ideology and point of view*. Routledge.
- Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin, & Ahmad Wafi Yunus. (2023). Penulisan lirik lagu Malique: Satu analisis retorik moden. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 5(1), 15–25. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v5i1.135>

- Suhardi Mukmin. (2008). *Teori dan aplikasi stilistik*. Universitas Sriwijaya.
- Weber, J. J. (1989). *The stylistics reader*. Arnold.
- Wong Shia Ho, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Bahasa kiasan dalam lagu “*Mati Hidup Semula*”: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231–258. [https://doi.org/10.37052/jb.19\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/jb.19(2)no3)
- Zuhairi Zainudin, & Julaina Nopiah. (2024). Metafora dalam lirik lagu “Mantera Beradu”: Analisis semantik inkuisitif. *International Islamic University Malaysia Repository*.
- Zulieda Azni, & Wan Amizah Wan Mahmud. (2020). Representasi sosial masyarakat dalam lirik lagu Aman RA. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1–14. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/315>